

CNS0535

R GB 12-09 00143 BA015

aab

- PERNIAGAAN DAN POLITIK TIDAK BOLEH DICAMPUR ADUK: PM

Mahathir - KUB

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan bahawa perniagaan dan politik tidak boleh dicampur aduk secara langsung.

Ketika merasmikan mesyuarat agung tahunan ke-12 Koperasi Usaha Bersatu (KUB), di Pusat Islam, di sini, beliau berkata, tugas dan tanggungjawab politik ialah menyediakan prasarana serta kemudahan lain supaya perniagaan dan ekonomi dapat tumbuh dengan sihat.

+Ada pihak yang berpendapat bahawa jika kuasa politik dapat digunakan oleh mereka (dalam urusan perniagaan), maka keuntungan besar akan diperolehi,+ katanya.

Justeru itu, katanya, peniaga tertentu sering meminta ahli politik yang berkuasa supaya menyalahgunakan kuasa mereka bagi kepentingan mereka.

Jika ini berlaku, kata beliau, ekonomi negara akhirnya akan rosak kerana dilanda oleh kegiatan rasuah yang meluas. -- Lagi

▼12/09/10-42MST

R GB 12-09 00164 BA016

aab

Mahathir - KUB 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO, berkata, inilah masanya bagi bumiputera yang jujur tampil ke hadapan memegang teraju kepimpinan KUB dan menjadikannya sebuah pertubuhan yang kukuh dan mampu bukan sahaja untuk menarik anggota bumiputera tetapi juga bukan bumiputera.

+Saya percaya anggota pengarah KUB yang baru memiliki kecekapan iktisas tetapi saya ingin menyeru kepada pengarah-pengarah supaya sentiasa mengikuti perkembangan dan aliran terkini di dalam pembangunan ekonomi, industri dan pasaran kewangan,+ katanya.

Beliau berkata, ramai rakyat Malaysia menaruh kepercayaan kepada pengurusan KUB dengan melabur di dalam koperasi itu dan mengharapkan kepercayaan mereka itu dihormati.

+Dalam menentukan kejayaan, KUB harus membentuk budaya korporatnya yang tersendiri, bermatlamat, faham dengan jelas peranan yang boleh dimainkannya di dalam pembangunan ekonomi negara dan mengatur strategi berkesan untuk mencapai matlamat-matlamatnya itu,+ katanya.

Untuk melaksanakan kesemua itu, kata Dr Mahathir, KUB memerlukan kakitangan yang taat kepada organisasi dan juga kepada perjuangan pergerakan koperasi. -- Lagi

▼12/09/10-45MST

aab

Mahathir - KUB 3 Kuala Lumpur

Beliau juga mahu KUB menilai semula prestasinya kerana koperasi itu masih mempunyai kerugian terkumpul sebanyak \$95 juta dan tanggungan sebanyak \$120 juta semasa ia dilancarkan semula tahun lepas.

Kata Perdana Menteri, pada awal 80-an, KUB dan anak-anak syarikatnya mempunyai harta sebanyak \$1,400 juta tetapi pada tahun-tahun kebelakangannya, koperasi itu mengalami pengurusan yang lemah hinggalah harta Kumpulan KUB merosot pada tahun lepas.

Beliau berkata, memang benar jika dikatakan bahawa semua orang menghadapi masalah di dalam zaman kemelesetan ekonomi tetapi terdapat juga koperasi di negara ini yang berjaya mengharungi zaman itu dan masih berjalan dengan baik sekarang.

Koperasi yang gagal pada zaman meleset, kata Dr Mahathir, adalah koperasi yang membuat pelaburan di dalam sektor yang tidak tepat seperti hartanah dan bangunan serta terlibat dengan anak syarikat atau perniagaan yang mengalami kerugian.

+Demi untuk mengejar keuntungan yang cepat, ada pula koperasi yang terlibat di dalam urusan kewangan yang kompleks yang sebenarnya merupakan urusniaga di atas kertas sahaja, + tambah beliau. -- Lagi

▼12/09/10-49MST

aab

Mahathir - KUB 4 Kuala Lumpur

Oleh itu, katanya, selain daripada pemimpin yang cekap, jujur dan tidak bermain politik, kejayaan sesebuah koperasi bergantung kepada kepekaan terhadap perniagaan dengan mengendalikannya seperti syarikat persendirian yang membuat keuntungan dan membayar dividen kepada anggota-anggotanya.

+Ambillah risiko tetapi janganlah cuba meraih keuntungan yang cepat kerana selalunya keuntungan yang cepat mudah bertukar menjadi kerugian yang cepat dan besar, + katanya.

Dr Mahathir berkata, cabaran yang dihadapi oleh pihak pengurusan KUB sekarang ialah untuk memberi nafas baru kepada koperasi itu dengan memulihkan semula keyakinan anggotanya.

Katanya, sungguhpun bilangan anggota KUB sudah meningkat daripada 112,000 orang tahun lepas kepada 116,000 orang sekarang, pertambahan itu masih kecil manakala kebanyakan anggota pula melabur kurang daripada \$1,000, malah ada yang melabur hanya \$100. -- Lagi

▼12/09/10-51MST

R GB 12-09 00116 BA019

aab

Mahathir - KUB (Akhir) 5 Kuala Lumpur

Ini, kata beliau, menyebabkan tabung pelaburan koperasi itu kecil, iaitu kira-kira \$20 juta sahaja, dan menyulitkan usaha untuk mencebur diri dalam bidang-bidang yang memerlukan pelaburan tinggi.

Perdana Menteri berkata penutupan beberapa buah Koperasi Pengambilan Deposit (KPD) enam tahun lepas, yang disifatkannya sebagai satu babak hitam dalam sejarah pergerakan koperasi di negara ini, dijadikan pengajaran yang berguna.

Menyingkap kembali sejarah hitam itu, Dr Mahathir berkata, Bank Negara terpaksa membekukan harta 24 buah KPD yang mengalami masalah kewangan kerana pengurusannya tidak cekap, tindakan yang kurang bijak dan rasuah sehingga menyebabkan hampir 600,000 orang penyimpan hilang lebih daripada \$1,500 juta. -- Bernama.